

BERITA HARI INI

AKHBAR : Wilayahku

TARIKH : 05 - 11 Jun 2020

MUKA SURAT : 4

HARI : Khamis - Khamis

RUANGAN : Berita

TAJUK : Nafi orang ramai beratur panjang

Sistem e-Tanah memudahkan pelanggan PPTG WPKL

Nafi orang ramai beratur panjang

PEJABAT Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (PPTG WPKL) menafikan bahawa mereka telah menghadapi situasi di mana pelanggan terpaksa beratur seawal pukul empat pagi untuk berurusan seperti dilaporkan sebuah portal (bukan Wilayahku) baru-baru ini.

PPTG WPKL menegaskan, pihaknya tidak pernah menghadapi situasi seperti yang dilaporkan seperti laporan berkenaan sejak kembali beroperasi 4 Mei lalu.

"Di dalam tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB), PPTG WPKL perlu mematuhi semua garis panduan Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan (KKM).

"Ia turut memastikan saringan suhu badan pelanggan, mengamalkan pemakaian pe-

nutup muka dan hidungnya, penggunaan 'hand sanitizer', serta merekod butiran kehadiran pelanggan melalui sistem QR-Code," kata kenyataan pada 3 Jun itu.

Menurut kenyataan itu, PPTG WPKL turut membataskan hanya 28 orang pelanggan di kaunter pendaftaran dalam satu-satu masa selain amalan penjarakan sosial yang perlu dipatuhi.

"Sehingga ke hari ini PPTG WPKL masih berjaya memastikan setiap pelanggan yang hadir dapat menyelesaikan urusan mereka.

"Berdasarkan pemerhatian yang dibuat, purata tempoh masa maksimum yang diambil oleh pelanggan untuk menyelesaikan urusan mereka sejak PKPB dilaksanakan adalah sekitar satu jam 30 minit (termasuk keperluan mematuhi kepada SOP)."

Penggunaan sistem e-Tanah



PELANGGAN berurusan di kaunter SPOC Aras G bangunan PPTG WPKL.

dan Kaunter Setempat Pelbagai Urusan (Single Point of Contact-SPOC) telah banyak membantu memastikan setiap urusan pelanggan dipermudahkan serta menjimatkan tempoh masa mereka berurusan di PPTG WPKL.

"Berdasarkan rekod urusan operasi PPTG WPKL, sejak 4 Mei sehingga 29 Mei lalu (16 hari bekerja), seramai 6,538 pelanggan telah hadir dan menyelesaikan sebanyak 9,220 pelbagai urusan di PPTG WPKL.

"Walaupun bilangan kehadiran pelanggan dan jumlah urusan yang hendak diselesaikan didapati agak tinggi sepanjang tempoh operasi sewaktu PKPB ini, namun tiada sebarang aduan kelewatan atau ketidakpuasan hati yang diterima daripada pelanggan," katanya.

Tambahnya, PPTG WPKL telah menerima pelbagai pujian dan penghargaan terhadap tahap kecekapan operasi kaunter daripada Malaysian Bar Council, Kuala Lumpur Bar, Selangor Bar dan juga orang ramai.

Dalam pada itu, semua pegawai dan kakitangan PPTG WPKL prihatin dan proaktif di dalam menyokong hasrat kerajaan untuk memulihkan kembali situasi ekonomi dan kewangan negara, melalui kecekapan perkhidmatan berkualiti tinggi dan mempercepatkan tempoh masa proses sesuatu urusan. **W X**